

CONTOH REFLEKSI BAGI JURNAL PRAKTIKUM  
INSITITUT PERGURUAN PERLIS, PERLIS

PERKARA	REFLEKSI	SOALAN –SOALAN PANDUAN
<p><b>MASALAH</b></p>	<p>Saya mengajar di kelas 5 Bestari, Sekolah Kebangsaan Laka Selatan, Kedah. Apabila saya ditempatkan di sini saya berasa tidak selesa kerana lokasi sekolah ini adalah di luar bandar. Kebanyakan murid-murid di sekolah ini tidak boleh bercakap dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun hubungan guru-guru dan murid-murid adalah rapat. Prestasi akademik sekolah ini tidak begitu baik terutamanya dalam mata pelajaran bahasa Inggeris. Pada tahun lepas hanya 20 % murid-murid lulus dalam mata pelajaran ini. Oleh demikian, pengajaran mata pelajaran bahasa Inggeris di sekolah ini amat mencabar.</p> <p>Setelah 3 minggu mengajar bahasa Inggeris saya mendapati beberapa orang murid-murid di bahagian belakang kelas telah membuat bising semasa pengajaran saya. Ada kalanya saya terpaksa berhenti mengajar kerana kebisingan murid-murid ini di dalam kelas telah mengganggu pengajaran sehingga mereka tidak dapat memberi perhatian kepada pengajaran saya. Dalam pada itu, saya percaya bahawa murid-murid ini masih kecil maka unsur kenakalan mesti wujud. Walau bagaimanapun sifat kenakalan ini tidak boleh dibenarkan kerana menjejaskan pengajaran pembelajaran.</p> <p>Menurut Harry K. Wong (1998) kebanyakan masalah tingkah laku disebabkan oleh guru sendiri.</p> <p><i>“Most behavior problems in the classroom are caused by the teacher’s failure to teach students how to follow procedures.”<sup>17</sup></i></p> <p>Gangguan daripada kebisingan kelas amat ketara semasa pertukaran waktu mengajar. Mengikut Wong (1998) pelajar mengambil masa 2 hingga 3 minit ini untuk bercakap, bergerak dari tempat duduk serta bertingkah laku yang mengganggu.</p> <p>Dalam pada itu Wong (1998) turut menjelaskan bahawa prosedur dan rutin akan memberi keyakinan kepada pelajar kerana mereka tahu apa yang perlu dilakukan pada setiap masa.</p> <p><i>“routines and procedures... offer security. Students cannot get down to the serious business of learning unless they feel secure in the classroom. They want instruction and guidance on all the how-to’s in the classroom—how to head a paper, how to ask for help, how to sharpen a pencil, how to get to work, how to turn on the computer, how to...”<sup>18</sup></i></p> <p>Saya ingin membawa perubahan dalam keadaan kelas ini. Saya ingin murid-murid mendengar pengajaran saya kerana percakapan dua hala boleh menjejaskan pembelajaran. Kebisingan</p>	<p>Apakah masalah atau isu yang dihadapi?</p> <p>Perihalkan konteks (latarbelakang)</p> <p>Apakah maklumat tambahan yang berguna?</p> <p>Bagaimanakah isu / masalah ini berkait dengan isu-isu lain?</p> <p>Siapakah atau apakah yang boleh membantu?</p> <p>Apakah andaian saya dan bagaimanakah saya menguji andaian saya?</p> <p>Apakah yang saya boleh buat untuk membawa perubahan?</p> <p>Apakah kemungkinan hasil/ dapatan daripada isu/ masalah ini?</p> <p>Apakah tindakan yang saya boleh ambil? Kenapa?</p> <p>Senaraikan dapatan yang ingin dicapai?</p> <p>Merefleks hasil yang sebenar . Apakah yang paling berfaedah?</p> <p>Apakah yang saya akan ubah pada masa lain?</p>

PERKARA	REFLEKSI	SOALAN –SOALAN PANDUAN
	<p>yang disebabkan oleh pembelajaran tidaklah menjadi masalah tetapi kebisingan yang mengganggu pembelajaran perlu dielakkan. Murid-murid yang bisung bukan sahaja tidak dapat menguasai kemahiran yang diajar tetapi murid-murid lain juga terjejas dan ini berlaku tidak adil kepada semua murid-murid yang lain.</p>	
<p><b>ANALISIS MASALAH</b></p>	<p>Yvonne. J. Clerehugh, (2000) dari Notre Dame High School, Norwich, UK telah melaksanakan satu kajian tindakan ke atas pengajaran bahasa asing moden. Dalam kertas kajiannya yang bertajuk <i>"ICT as a Motivator for Disaffected Pupils?"</i> Beliau mendapati penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pengajaran seperti penggunaan "Powerpoint" memang boleh mengurangkan <i>"pupil disaffection"</i>. Beliau juga menjelaskan bahawa terdapat bias gender dalam pembelajaran bahasa asing. Di UK murid-murid lelaki akan suka mempelajari bahasa Jerman kerana ia lebih bersifat kejantanan sedangkan murid-murid perempuan suka pada bahasa Spanyol kerana ia lebih romantik. Perbezaan minat ini mungkin dapat menerangkan pencapaian dalam bahasa asing seperti bahasa Inggeris di Malaysia. Selain itu, Clerehugh ( 2000 ) mendapati kerelevanan dan penggunaan sesuatu bahasa dalam situasi kehidupan pelajar adalah penting .</p> <p><i>"Pupils want to learn quickly; that is, they want to see 'results' in that they are able to use the language in a meaningful way as a reward for the learning effort put in. They want to discuss things which are of personal interest or which are of direct relevance to their situation. It is not usual to hear a group of fourteen year olds discussing the time they get up, get dressed or clean their teeth, and if they have no real desire to communicate on a given topic they may naturally become disengaged with the subject."</i></p> <p>Saya terpaksa menyiasat punca-punca masalah kebisingan daripada sebilangan kecil murid-murid di belakang. Setiap kali saya mengajar, beberapa murid-murid akan bercakap atau bermain di belakang. Mereka akan berbuat demikian sepanjang masa pengajaran saya. Beberapa soalan berlegar dalam minda saya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Apakah murid-murid ini sudah bosan dengan pengajaran saya?</li> <li>- Apakah yang menjadikan mereka bosan?</li> <li>- Bagaimanakah saya mengatasi masalah ini?</li> <li>- Kenapakah ia berlaku dalam pengajaran saya?</li> <li>- Adakah saya menjadi punca berlakunya?</li> <li>- Bolehkah faktor-faktor lain yang terlibat dalam hal ini?</li> </ul> <p>Daripada tinjauan awal yang telah saya lakukan melalui temu bual dan soal selidik serta</p>	<p>Fokus pada satu insiden kritikal yang telah berlaku di dalam kelas anda.</p> <p>Perihalkan insiden itu secara yang lebih objektif / yang anda boleh.</p> <p>Apakah andaian yang anda pegang?</p> <p>Adakah cara lain untuk melihat peristiwa ini?</p> <p>Bagaimanakah murid-murid anda menjelaskan peristiwa ini?</p> <p>Bagaimanakah perbezaan di antara kedua-dua penjelasan itu ? (dari segi murid-murid dan anda)</p> <p>Adakah yang anda akan buat berbeza dengan dahulu?</p>

PERKARA	REFLEKSI	SOALAN –SOALAN PANDUAN
	<p>pemerhatian, beberapa dapatan telah dapat saya senaraikan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- murid-murid ini adalah dari kumpulan lemah.</li> <li>- Murid-murid ini tidak faham apa yang disampaikan dalam kelas</li> <li>- Murid-murid ini tidak berminat dalam pembelajaran bahasa Inggeris</li> <li>- Suara saya kurang jelas dan tidak didengari oleh mereka</li> </ul> <p>Saya cuba menganalisis kepercayaan dan andaian saya berkaitan dengan masalah ini. Pada dasarnya saya percaya murid-murid dari kumpulan lemah kurang minat belajar kerana mereka tidak mempunyai motivasi untuk berbuat demikian. Selepas membuat refleksi, saya rasa andaian ini tidak berkesan kerana guru sebagai pendidik perlu memikul tanggungjawab untuk membolehkan murid-murid ini belajar. Kemampuan saya sebagai guru telah dicabar.</p> <p>Dari suatu perspektif yang lain saya boleh melihat peristiwa ini sebagai suatu percanggahan dari segi kerelevanan mata pelajaran yang diajar dengan realiti mereka. Murid-murid dari sekolah luar bandar tidak menganggap bahasa Inggeris sebagai penting dan relevan dalam kehidupan mereka. Kenapakah mereka belajar sesuatu yang mungkin tidak berguna pada masa depan.</p> <p>Dari perspektif murid-murid, kebisingan ini adalah biasa dan percakapan diantara satu sama lain adalah pembelajaran juga. Murid-murid tidak mempunyai banyak masa untuk berinteraksi memandangkan beban kerja sekolah bukan sahaja bertambah tapi kelas-kelas tambahan yang diadakan setiap hari, telah mengurangkan masa untuk mereka berkomunikasi dengan satu sama lain. Murid-murid perlu bertukar-tukar fikiran dan mendapat maklumat terkini berkaitan dunia mereka.</p> <p>Adakah kebisingan murid-murid ini satu tanda kebosanan terhadap pembelajaran? Adakah kebisingan kelas sesuatu yang buruk? Adakah kebisingan menandakan murid-murid sudah hilang minat belajar?</p>	

PERKARA	REFLEKSI	SOALAN –SOALAN PANDUAN
<p><b>CADANGAN</b></p>	<p>Untuk mengelakkan murid-murid membuat bising saya ingin mencadangkan langkah-langkah berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- menyusun semula kedudukan murid-murid di dalam kelas. Membahagikan kepada empat kumpulan mengikut tahap kebolehan yang berbeza</li> <li>- membuat ujian diagnostik untuk tahap pencapaian kemahiran / topik yang dikuasai murid tersebut yang membuat bising</li> <li>- menggunakan pelbagai kaedah / teknik yang sesuai dengan tahap kebolehan mereka semasa pengajaran dan pembelajaran. Mereka diberikan latihan-latihan yang mudah berbeza dengan murid-murid lain</li> <li>- memberi perhatian yang lebih kepada kumpulan ini dengan selalu berdamping dan memberi bimbingan secara berterusan</li> <li>- memberi motivasi dengan memberi pujian dan penghargaan bagi setiap usaha atau aktiviti yang berjaya dilakukan</li> </ul> <p>Cadangan-cadangan ini perlu dikaji dengan teliti melalui tinjauan literatur supaya tindakan yang diambil lebih mantap dan bermanfaat. Saya telah membaca literatur berkaitan dengan perkara ini supaya dapat mengenal pasti tindakan yang paling sesuai.</p> <p>Linda Ashton (1996) dari James Cook University dalam artikelnya <i>"Shared Reading Strategies In Secondary Art Classes: An Opportunity For Reflective Practice,"</i> mengatakan bahawa strategi pembacaan bersama (<i>shared reading strategies</i>) boleh menangani isu <i>"pupil disaffection"</i> dalam bilik darjah. Beliau menyenaraikan langkah-langkah dalam strategi ini seperti di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mereka permainan apabila berkongsi bacaan teks,</li> <li>- menarik perhatian pelajar melalui mod pendengaran aktif</li> <li>- memberi ulasan dan ringkasan dengan cepat serta petunjuk pemahaman</li> <li>- memberi sokongan kepada pelajar yang mungkin bermasalah ingkahlaku kerana menghadapi masalah membaca</li> </ul> <p>Berdasarkan prosedur yang dinyatakan dalam <i>"California Standards for the Teaching Profession"</i> masa yang digunakan dalam kelas perlu berkesan dan dioptimumkan sepenuhnya. Apabila masa pengajaran dirancang sesuai untuk memenuhi keperluan pelajar, maka masa pembelajaran dapat menghabiskan isi kandungan yang ingin disampaikan. Masalah kebisingan kelas adalah disebabkan oleh ketidakselarasan masa pengajaran dengan isi kandungan yang ingin disampaikan. Dengan ini pelajar akan hilang minat belajar dan keinginan untuk belajar berkurang.</p> <p>Dengan ini saya bercadang untuk menangani masalah ini berasaskan Canter model of <i>Assertive Discipline (2002)</i>. Model disiplin Marlene and Lee Canter adalah berasaskan ribuan jam penyelidikan dengan memerhati guru dalam bilik darjah. Model ini adalah suatu pendekatan</p>	<p>Fokuskan kepada pengalaman yang direfleks dengan menurunkan isi-isi pemikiran dalam bentuk tulisan.</p> <p>Buat tinjauan literatur berkaitan pengajaran dan pembelajaran atau buat refleksi tentang cadangan yang ingin diambil berasaskan soalan-soalan berikut:</p> <p>Bagaimanakah ini berkait dengan amalan saya?</p> <p>Apakah prinsip pengajaran dan pembelajaran yang terlibat?</p> <p>Apakah yang saya boleh ubah dalam hal ini?</p> <p>Apakah akan berlaku jika saya melakukannya?</p>

PERKARA	REFLEKSI	SOALAN –SOALAN PANDUAN
	<p>yang positif yang membenarkan guru mengajar dan pelajar belajar. Ia berasaskan prinsip-prinsip bahawa guru dan pelajar mempunyai hak untuk mengajar dan belajar.</p> <p>Dalam situasi ini saya akan mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- menyatakan jangkaan pengajaran seawal-awalnya</li> <li>- menggunakan suara yang lantang, tenang dan tegas serta berlakunya kontak mata</li> <li>- menggunakan gesture bukan lisan untuk menyokong pernyataan lisan</li> <li>- mengubah tingkah laku pelajar tanpa ancaman atau jeritan</li> <li>- mengamalkan teknik "broken record" iaitu mengulangi mesej dengan tenang setiap kali pelajar cuba mencabar daripada menimbulkan konflik</li> </ul>	
<b>TEMPOH PENYELESAIAN</b>	2 Ogos hingga 14 Ogos 2006 (2 minggu)	
<b>TINDAKAN SUSULAN</b>	<p>Daripada pengalaman menggunakan model Canter "<i>assertive discipline</i>" guru yang asertif adalah lebih berkesan daripada seseorang guru yang tidak asertif atau garang. Kegarangan dan ketidakkonsistenan arahan guru yang menyebabkan kekeliruan dan trauma psikologi. Seorang guru asertif dapat mewujudkan iklim bilik darjah yang positif, penyayang dan produktif. Iklim ini yang dapat menghasilkan pembelajaran yang maksimum.</p> <p>Dapatan daripada amalan pengajaran berasaskan model Canter, saya telah mendapati semangat berkumpul di kalangan pelajar kelas ini telah mula berputik dengan adanya kerjasama dan tolong menolong sesama ahli kumpulan. Kumpulan murid yang suka membuat bising telah menunjukkan minat untuk menyiapkan tugas yang diberi kerana mereka bukan sahaja mendapat tugas yang selaras dengan kebolehan mereka tetapi berada dalam suasana / iklim penyayang dan positif. Tumpuan dan bimbingan guru yang prihatin dan berterusan telah membantu murid-murid menjadi lebih yakin untuk melibatkan diri dengan aktiviti yang dijalankan. Keadaan bilik darjah telah dapat dikawal kerana murid-murid telah menunjukkan minat untuk belajar.</p> <p>Dalam model Canter ini jangkaan tingkah laku adalah jelas. Selain peraturan yang ditetapkan, saya telah merancang satu sistem peneguhan. Jika pelajar telah menunjukkan tingkah laku positif yang dijangkakan atau pencapaian akademiknya cemerlang, mereka akan diberi peneguhan seperti masa tambahan rehat, dll.</p> <p>Jika peraturan tidak dipatuhi, saya telah mencatatkan pelanggaran peraturan ini di atas jadual yang dipaparkan di dinding bilik darjah. Saya akan menanda tanda salah (X) pada papan notis. Tingkah laku negatif hasil daripada pelanggaran peraturan yang ditanda (X) akan menerima hukuman-hukuman berikut:            Satu tanda X – amaran</p>	<p>Merefleks peristiwa di dalam bilik darjah</p> <p>Apakah perkara yang paling penting yang saya pelajari tentang pembelajaran pelajar?</p> <p>Apakah perkara yang paling penting yang saya pelajari tentang pengajaran saya?</p> <p>Apakah perkara yang paling penting yang saya pelajari tentang pelajar saya?</p> <p>Bagaimanakah saya dapat menggunakan pembelajaran saya untuk menambah baik pembelajaran di dalam bilik darjah saya?</p>

PERKARA	REFLEKSI	SOALAN –SOALAN PANDUAN
	<p>Dua tanda XX – tidak dibenarkan rehat  Tiga tanda XXX– satu jam dalam kelas tahanan dan tidak dapat rehat dua kali  Empat tanda XXXX – panggilan ke rumah  Lima tanda XXXXX - berjumpa dengan guru besar</p>	
<p><b>KESIMPULAN</b></p>	<p>Canter (2002) menegaskan bahawa iklim sokongan positif hanya dapat dibawa oleh guru yang asertif. Dalam hal ini, ia telah menggantikan tingkah laku garang oleh guru dengan tingkah laku tegas yang positif .</p> <p>Kunci kawalan disiplin pelajar adalah kekonsistenan penguatkuasaan peraturan dengan kesannya. Menurut Canter (2002) seseorang guru tidak boleh berkompromi dengan penguasaan peraturan dalam apa jua.</p> <p><i>“Once you make a rule, you must enforce it-always. There are no exceptions to this requirement. It is mandatory. You can’t enforce the rule with one student-and let it go with another. You can’t call students on the rule one day and overlook it the next. Rules must be enforced with the consistency of the second hand one a clock.”<sup>16</sup></i></p> <p>Walaupun setiap pelanggaran peraturan perlu diambil tindakan tetapi tidak semua situasi pelanggaran peraturan adalah sama. Oleh yang demikian situasi yang berlainan memerlukan kaedah penguatkuasaan yang berlainan</p> <p>Inovasi yang telah saya majukan di sini adalah disiplin asertif bagi guru untuk menangani isu kebisingan dalam kelas.</p> <p>Nilai tambah yang saya telah bawa kepada model ini adalah peneguhan dan hukuman untuk menguat kuasa peraturan dalam bilik darjah. Saya percaya bahawa kebisingan kelas adalah satu isu pengurusan kelas dan bukan disebabkan oleh murid-murid yang tidak ingin belajar. Sekarang saya faham bahawa pengajaran bukan sahaja menyampaikan ilmu tetapi faktor-faktor lain juga penting dalam memantapkan tugas sebagai guru. Guru adalah seperti tukang masak dimana masakan sedap bukan sahaja bergantung kepada bahan-bahan masakan tetapi kawalan api dapur, peralatan di dapur, suasana di dapur dan lain-lain. Semua ini saling bergantung.</p>	<p>Adakah apa yang saya tahu tentang pembelajaran pelajar dapat disahkan dalam penulisan jurnal ini dan bagaimanakah saya bertindak?</p> <p>Apakah yang saya perlukan untuk menambah baik kualiti tindakan saya?</p> <p>Apakah yang mungkin saya akan buat berbanding dengan apa yang saya telah buat?</p> <p>Apakah inovasi yang dapat saya perkenalkan?</p> <p>Apakah aktiviti perkembangan professional yang perlu saya ikuti?</p>

DISEDIAKAN OLEH

Dr. CHOW FOOK MENG  
JABATAN ILMU PENIDDIKAN

9 JUN 2007